



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KENYATAAN MEDIA

GEMPA BUMI LEMAH DI SEGAMAT : KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT DAN KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2 DIBERI PELEPASAN LAKSANA PDP SECARA DALAM TALIAN

PUTRAJAYA - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) mengambil maklum berkenaan dengan satu kejadian gempa bumi lemah bermagnitud 4.1 dengan kedalaman 10 km yang telah berlaku di Segamat, Johor pada jam 6.13 pagi, 24 Ogos 2025 (Ahad). Merujuk kepada satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), lokasi kejadian adalah pada koordinat 2.51° Utara, 102.76° Timur, iaitu kira-kira 5 km Barat Segamat, Johor. Gegeran turut dirasakan di beberapa kawasan sekitar Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan selatan Pahang.

Kolej Komuniti Segamat (KKS) dan Kolej Komuniti Segamat 2 (KKS2) yang merupakan institusi di bawah seliaan JPPKK turut tidak terkecuali daripada menerima impak susulan daripada kejadian tersebut. Melalui hasil pemeriksaan awal yang telah dijalankan oleh pasukan Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah Segamat di KKS mendapati, terdapat keretakan kecil pada dinding bangunan dan beberapa ruang bahagian dalam. **Namun demikian, ianya tidak melibatkan kerosakan pada struktur dan bahagian rasuk struktur bangunan.**

Walaupun, satu siasatan forensik bangunan akan dilaksanakan dengan lebih terperinci dalam masa yang terdekat dengan melibatkan daripada pihak JKR daerah Johor Bahru. Oleh yang demikian, KKS diberi pelepasan untuk melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian dan Bekerja Dari Rumah (BDR) bermula 25-27 Ogos 2025 (Isnin-Rabu) sebagai langkah keselamatan awal warga KKS.

Sementara itu KKS2 turut dikunjungi oleh JKR daerah Segamat bagi menjalankan pemeriksaan bangunan terutama di dua blok asrama yang menempatkan lebih kurang 200 orang pelajar. KKS2 turut diberi pelepasan untuk menjalankan sesi PdP secara dalam talian bagi tempoh sama. Pelajar telah diarahkan pulang bagi memberi ruang kepada kerja-kerja pemeriksaan bangunan dengan lebih lanjut, namun demikian operasi pejabat akan berjalan seperti biasa.

Pihak Jabatan akan terus memantau rapat keadaan ini bersama agensi berkaitan bagi memastikan keselamatan, kebajikan dan kelancaran operasi institusi terus terjamin.

-TAMAT-

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
25 Ogos 2025